

17 MAR 2001

Cuepacs-Perpaduan

CUEPACS KEMUKA MEMORANDUM MENGENAI PERPADUAN NASIONAL

KANGAR, 17 Mac (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akan mengemukakan memorandum mengenai perpaduan nasional kepada kerajaan dalam tempoh terdekat ini, kata presidennya N. Siva Subramaniam hari ini.

Tanpa menyatakan kepada siapa atau kementerian mana memorandum itu akan ditujukan, beliau berkata memorandum itu antara lain akan menggariskan tiga perkara bagi meningkatkan semula semangat perpaduan kaum yang sedia terjalin.

Tiga perkara berkenaan ialah menanam semangat persaudaraan, memahami kepentingan kebudayaan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan saling hormat menghormati dalam masyarakat.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan seminar pendidikan wanita Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) Perlis di sini, beliau berkata Cuepacs juga mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perpaduan nasional beberapa hari lepas.

Siva, yang juga Setiausaha Agung KPPK, berkata selain Cuepacs, KPPK juga akan memberi pandangan mengenai penstrukturan semula sistem pendidikan negara berikutan terdapat beberapa kelemahan.

Kelemahan tertentu dalam sistem pendidikan menyebabkan ikatan perpaduan rakyat berbilang bangsa menjadi rapuh, katanya.

Sambil menyokong penuh pelaksanaan sekolah wawasan, Subramaniam berkata ia merupakan langkah terbaik membentuk semangat perpaduan kaum sejak di bangku sekolah.

Sebanyak 50 guru wanita menyertai seminar sehari itu yang antara lain bertujuan meningkatkan prestasi perkhidmatan perguruan di negeri ini.

-- BERNAMA

AD NAK